

# GARIS PANDUAN DAN KRITERIA KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

## 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Garis panduan dan kriteria kenaikan pangkat bagi staf akademik tetap Universiti Utara Malaysia adalah berdasarkan kepada skim perkhidmatan Pensyarah Universiti di bawah Sistem Saraan Malaysia. Garis panduan dan kriteria ini juga tertakluk kepada dasar dan kenaikan pangkat peraturan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Persidangan Naib-Naib Canselor serta syarat-syarat tambahan oleh Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia.
- 1.2 Garis panduan dan kriteria kenaikan pangkat ini meliputi kenaikan pangkat staf akademik Universiti Utara Malaysia dalam kategori berikut :
  - i) Kenaikan pangkat jawatan Pensyarah (DS45) ke jawatan Pensyarah Kanan (DS52).
  - ii) Kenaikan pangkat jawatan Pensyarah Kanan (DS52) ke jawatan Profesor Madya (DS54).
  - iii) Kenaikan pangkat jawatan Profesor Madya (DS54) ke jawatan Profesor (VK7).
  - iv) Kenaikan pangkat jawatan Pensyarah (DS45) ke jawatan Profesor Madya (DS54).
  - v) Kenaikan pangkat jawatan Pensyarah (DS45) ke jawatan Profesor (VK7).
  - vi) Peningkatan taraf jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) ke gred-gred lebih tinggi iaitu Gred Khas B (VK6) dan Gred Khas A (VK5).
- 1.3 Garis panduan ini tidak terpakai kepada staf akademik bertaraf kontrak, sementara dan pinjaman.

- 1.4 Garis panduan ini merupakan panduan umum kepada panel penilai dan jawatankuasa pemilih. Panel Penilai dan Jawatankuasa Pemilih perlulah mengambilkira kesarjanaan dan kecemerlangan akademik calon dalam mempertimbangkan kenaikan pangkat staf akademik terutamanya bagi jawatan Profesor.

## **2.0 SYARAT KENAIKAN PANGKAT**

- 2.1 Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti menetapkan bahawa kenaikan pangkat seseorang staf akademik tidak berasaskan kekosongan jawatan tetapi berasaskan kepada kecemerlangan akademiknya.
- 2.2 Pensyarah (DS45) adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan (DS52); Pensyarah (DS51/52) layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya (DS54) dan Profesor Madya (DS53/54) layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Profesor (VK7) apabila telah:
- a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - b) bebas daripada hukuman tindakan tatatertib;
  - c) lulus tapisan SPRM;
  - d) telah mengisytiharkan harta;
  - e) bebas daripada senarai pinjaman pendidikan tegar institusi pinjaman pendidikan;
  - f) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan
  - g) diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan.

## **3.0 SYARAT PERKHIDMATAN DAN KECEMERLANGAN AKADEMIK**

### **3.1 Kenaikan Pangkat Pensyarah (DS45) Ke Pensyarah Kanan (DS52).**

- a) Bagi calon yang memiliki Ijazah Ph.D, tiada syarat tambahan yang dikenakan.
- b) Bagi calon yang lain, calon dikehendaki :-
  - i) berkhidmat sekurang-kurangnya empat (4) tahun setelah disahkan dalam jawatan/perkhidmatan;
  - ii) mendapat purata markah penilaian prestasi tahunan bagi tiga (3) tahun ke belakang sekurang-kurangnya 80%;
  - iii) memperoleh markah kecemerlangan akademik sebanyak 100 daripada markah penuh 110.

### **3.2 Kenaikan Pangkat Pensyarah Kanan (DS51/52) Ke Profesor Madya (DS54).**

- a) Calon hendaklah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam jawatan Pensyarah Kanan Gred DS51/52.
- b) Mendapat purata markah penilaian prestasi tahunan bagi tiga (3) tahun ke belakang sebanyak 85%.
- c) Bagi calon yang memiliki Ph.D, calon dikehendaki memperolehi markah kecemerlangan akademik sebanyak 85 markah daripada markah penuh 115, atau
- d) Bagi calon yang memiliki Ijazah Sarjana, calon dikehendaki memperolehi markah penuh sebanyak 115 markah. (Markah penuh bagi setiap komponen).

### **3.3 Kenaikan Pangkat Profesor Madya (DS53/54) Ke Profesor (VK7).**

- a) Calon hendaklah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam jawatan Profesor Madya DS53/54.
- b) Mendapat purata markah penilaian prestasi tahunan bagi tiga (3) tahun kebelakang sebanyak 90%.

- c) Bagi calon yang memiliki Ph.D, calon dikehendaki memperolehi markah kecemerlangan akademik sebanyak 100 markah daripada markah penuh sebanyak 125 markah, atau
- d) Bagi calon tanpa Ph.D, calon dikehendaki mendapat 180 markah. Markah penuh 125 markah termasuk markah maksimum bagi setiap komponen. Markah tambahan sebanyak 55 markah perlu dikumpul daripada komponen Penyelidikan, Penerbitan dan Pengiktirafan Akademik.

#### **4.0 SISTEM PENILAIAN KENAIKAN PANGKAT**

##### **4.1 Prinsip Umum**

- a) Penilaian adalah dibuat berasaskan kepada hasil dan bukannya proses.
- b) Agihan markah mengikut komponen bagi jawatan Pensyarah Kanan, Profesor Madya dan Profesor mencerminkan hirarki kesarjanaan dan kepimpinan akademik.

##### **4.2 Kriteria Penilaian**

- a) Sistem penilaian untuk kenaikan pangkat staf akademik adalah berasaskan kepada kriteria "memenuhi tahap kecemerlangan akademik" seperti yang disyaratkan dalam skim perkhidmatan.
- b) Penilaian terhadap memenuhi tahap kecemerlangan akademik dibuat berdasarkan kepada kesarjanaan dalam enam (6) komponen berikut:
  - i) Pengajaran/Penyelidikan
  - ii) Penyelidikan
  - iii) Penerbitan
  - iv) Kepimpinan dan Pengiktirafan Akademik
  - v) Seminar dan Perundingan
  - vi) Sumbangan kepada Universiti dan Masyarakat

### 4.3 Temu Duga

- a) Bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan (DS52) dan Profesor Madya (DS54), pemilihan adalah berdasarkan kepada kecemerlangan akademik dan penilaian oleh Penilai Luar sahaja.
- b) Bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Gred Khas C (VK7), calon diwajibkan menghadiri temu duga oleh Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat dan merupakan salah satu penentu kepada kriteria kenaikan pangkat.

### 4.4 Penilai Luar

- a) Bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan (DS52) Laporan Penilai Luar tidak diperlukan.
- b) Bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya (DS54), diperlukan laporan Penilai Luar dari dua (2) orang Profesor dalam bidang kepakaran calon.
- c) Bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Gred Khas C (VK7), diperlukan Laporan Penilai Luar dari dua (2) orang Profesor (Dalam Negara) dan seorang Profesor (Luar Negara) dalam bidang kepakaran calon.
- d) Laporan Penilai Luar adalah merupakan salah satu penentu kepada penilaian kenaikan pangkat.
- e) Kriteria pemilihan Penilai Luar:
  - i) Bukan merupakan penyelia tesis calon, rakan/bekas rakan setugas calon atau merupakan suami/isteri kepada penyelia tesis calon.
  - ii) Kolej boleh mencadangkan Penilai Luar tetapi pemilihan ditentukan oleh Panel Penilai Universiti.
  - iii) Penilai Luar mestilah daripada Institut Pengajian Tinggi yang setaraf dengan UUM atau lebih tinggi.

## 5.0 ASPEK PENILAIAN

Aspek-aspek utama yang dinilai untuk menentukan tahap kecemerlangan akademik bagi kenaikan pangkat seseorang staf akademik Universiti Utara Malaysia ialah:

- i) Pengajaran/Penyeliaan
- ii) Penyelidikan
- iii) Penerbitan
- iv) Kepimpinan dan Pengiktirafan Akademik
- v) Seminar dan Perundingan
- vi) Sumbangan kepada Universiti dan Masyarakat

### 5.1 Pengajaran/Penyeliaan

Pengajaran adalah merupakan aktiviti utama bagi setiap staf akademik dan ianya dinilai bagi mengukur tugas rasmi calon. Namun begitu penyeliaan juga diambilkira di dalam komponen ini. Tiada markah minimum yang diperlukan sama ada untuk pengajaran dan penyeliaan bagi membolehkan seseorang calon itu dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat.

Markah maksimum yang boleh dikumpulkan bagi komponen ini adalah seperti berikut:-

DS45 ke DS52	DS52 ke DS54	DS54 ke VK7	
50	40	Pengajaran	Penyeliaan
		15	15

### 5.2 Penyelidikan

Komponen ini merupakan aktiviti utama kepada percambahan ilmu yang dapat menyumbang kepada pengajaran, penerbitan dan perundingan. Markah akan diberikan bagi penyelidikan yang telah tamat dan laporan penyelidikan diterima oleh pemiaya. Penyelidikan tanpa pembiayaan perlulah berdaftar dengan Universiti Utara Malaysia bagi membolehkan pemberian markah.

Markah maksimum yang boleh dikumpulkan bagi komponen ini adalah seperti berikut:-

DS45 ke DS52	DS52 ke DS54	DS54 ke VK7
15	20	25

### 5.3 Penerbitan

Penerbitan yang dihasilkan melambangkan keserjanaan calon dalam bidang kepakarannya. Penilaian yang lebih tinggi diberikan kepada penerbitan yang diterima di peringkat antarabangsa. Markah hanya diberikan bagi bahan-bahan yang telah diterbitkan. Calon dikehendaki mengemukakan bahan-bahan untuk dinilai.

Markah maksimum yang boleh dikumpulkan bagi komponen ini adalah seperti berikut:-

DS45 ke DS52	DS52 ke DS54	DS54 ke VK7
20	25	30

### 5.4 Kepimpinan dan Pengiktirafan Akademik

Aspek ini adalah bagi menilai ketokohan seseorang calon di kalangan akademia. Untuk kenaikan pangkat ke jawatan lebih tinggi, seseorang calon perlu mendapat markah yang lebih tinggi dalam komponen ini bagi membuktikan penerimaan beliau di dalam dunia akademik.

Markah maksimum yang boleh dikumpulkan bagi komponen ini adalah seperti berikut:-

DS45 ke DS52	DS52 ke DS54	DS54 ke VK7
5	10	20

## 5.5 Seminar dan Perundingan

Perundingan merupakan ukuran penerimaan masyarakat terhadap kemampuan Universiti Utara Malaysia untuk memberi khidmat nasihat dalam penyelesaian masalah atau penghasilan projek. Penilaian diberikan walaupun projek perundingan tidak menjana sumber kewangan.

Pembentangan kertas kerja di seminar atau persidangan akan dapat membantu staf akademik menambahkan ilmu serta membina jaringan. Penilaian diberikan kepada mereka yang menyumbang dari sudut akademik.

Markah maksimum yang boleh dikumpulkan bagi komponen ini adalah seperti berikut:-

DS45 ke DS52	DS52 ke DS54	DS54 ke VK7
10	10	10

## 5.6 Sumbangan Kepada Universiti dan Masyarakat

Sebagai seorang staf, calon perlulah memberi sumbangan kepada institusinya dan juga menabur bakti kepada masyarakat di sekelilingnya bagi membolehkan Universiti Utara Malaysia dikenali di kalangan masyarakat.

Markah maksimum yang boleh dikumpulkan bagi komponen ini adalah seperti berikut:-

DS45 ke DS52	DS52 ke DS54	DS54 ke VK7
10	10	10

## 6.0 KAEDAH PENILAIAN



- 6.1 Taburan markah kecemerlangan akademik secara umum bagi kenaikan pangkat staf akademik Universiti Utara Malaysia adalah seperti di **Lampiran A**.
- 6.2 Wajaran markah secara terperinci komponen kriteria penilaian kenaikan pangkat staf akademik Universiti Utara Malaysia adalah seperti di **Lampiran B**.
- 6.3 Penilaian bagi kecemerlangan akademik adalah dalam jawatan semasa.
- 6.4 Markah boleh dikumpul mengikut komponen-komponen tertentu tertakluk kepada markah maksimum bagi setiap komponen.
- 6.5 Pemohon yang layak untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah mereka yang melepasi markah keseluruhan minimum seperti yang ditetapkan tertakluk kepada syarat-syarat lain yang berkuatkuasa.
- 6.6 Bagi permohonan ke jawatan Profesor Gred C (VK7) untuk calon tanpa PhD, markah boleh dikumpulkan tanpa had maksimum daripada komponen-komponen penyelidikan, penerbitan dan pengiktirafan akademik tertakluk kepada syarat calon telah memenuhi markah maksimum komponen-komponen lain.

## 7.0 PROSES PENILAIAN

### 7.1 Pelantikan Panel Penilai Kolej

#### Jawatan Pensyarah Kanan (DS52), Profesor Madya (DS54) dan Profesor (VK7)

Permohonan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan (DS52), Profesor Madya (DS54) dan Profesor (VK7) dinilai oleh Panel Penilai Peringkat Kolej. Panel Penilai ini hendaklah terdiri daripada:

#### Pengerusi

Penolong Naib Canselor (dengan syarat berjawatan Profesor), jika tidak, hendaklah dipengerusikan oleh seorang Profesor daripada Kolej berkenaan atau Kolej yang lain.

#### Ahli Tetap

Tiga (3) orang Profesor

**Ahli Berubah**

Seorang Profesor/Profesor Madya Kolej dalam bidang kepakaran calon

**Wakil Kolej Lain (Ahli Luar)**

Sekurang-kurangnya dua (2) orang wakil Kolej lain bertaraf Profesor atau Profesor Madya

**Setiausaha**

Ketua Penolong Pendaftar Kanan

*Perlantikan Panel Penilai Kolej adalah oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa)*

**7.2 Panel Penilai Universiti**

**Pengerusi**

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**Ahli-Ahli**

Empat (4) orang Profesor yang dilantik oleh Naib Canselor.

**Setiausaha**

Pendaftar atau Wakil.

**7.3 Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat**

**Pengerusi**

Naib Canselor.

**Ahli-Ahli**

Dua (2) orang Wakil Senat.

**Setiausaha**

Pendaftar.

**8.0 PROSEDUR PERMOHONAN**

8.1 Calon-calon yang memohon kenaikan pangkat dikehendaki mengisi borang-borang berikut:-

- UUM/KPA1/2012 - Borang Permohonan

- UUM/KPA2/2012 - Borang CV
- UUM/KPA3/2012 - Borang Pemberian Markah
- UUM/KPA4/2012 - Borang Laporan Ketua Jabatan

8.2 Calon - calon juga dikehendaki menyerahkan bahan - bahan seperti yang terkandung dalam borang UUM/KPA2/2012.

8.3 Borang-borang yang lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada Unit Kenaikan Pangkat, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.

8.4 Pihak Kolej, setelah permohonan dinilai oleh Panel Penilai Kolej, hendaklah mengemukakan borang permohonan UUM/KPA1/2012 ke Jabatan Pendaftar berserta :-

- UUM / KPA3a - Bagi Jawatan Profesor (VK7)
- UUM / KPA3b - Bagi Jawatan Profesor Madya (DS54)
- UUM / KPA3c - Bagi Jawatan Pensyarah Kanan (DS52)

8.5 Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Kali ke – 161 Bil. 6/2010 bertarikh 24 Jun 2010 telah bersetuju supaya calon yang memohon untuk kenaikan pangkat perlu menyediakan maklumat berikut :

- Justifikasi mengapa permohonan kenaikan pangkat mereka perlu dipertimbangkan;
- Kelebihan dan kekuatan masing-masing; dan
- Perancangan sekiranya dinaikkan pangkat.

Staf akademik yang memohon kenaikan pangkat hendaklah mengemukakan maklumat-maklumat ini dalam :

- 3 muka surat bagi jawatan Profesor Madya (DS54); dan
- 5 muka surat bagi jawatan Profesor Gred Khas C (VK7)

Semua maklumat ini hendaklah ditaip menggunakan font '**Arial Narrow**', **12 point** dan **1 1/2 spacing** untuk dipertimbangkan oleh Panel Penilai Universiti.